

DIPHENMIN LINCTUS

Diphenhydramine hydrochloride (14mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Diphenmin*
2. Bagaimana *Diphenmin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Diphenmin*
4. Cara menggunakan *Diphenmin*
5. Semasa menggunakan *Diphenmin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Diphenmin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Diphenmin*

Ia digunakan untuk mengurangkan batuk dan melegakan kesesakan hidung, bersin, mata berair dan kesesakan saluran pernafasan.

Bagaimana *Diphenmin* berfungsi

Diphenmin mengandungi diphenhydramine, sejenis antihistamina yang membantu melegakan batuk dan mengeringkan rembesan dalam hidung dan dada.

Sebelum menggunakan *Diphenmin*

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil *Diphenmin* jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Diphenmin* atau antihistamina yang lain.
- Tidak disyorkan untuk bayi pramatang atau cukup bulan
- Jangan ambil *Diphenmin* jika anda menyusu

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan *Diphenmin*

Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun. Perlu digunakan dengan berhati-hati dan atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur dari 2 hingga 6 tahun.

Beritahu doktor jika mempunyai

- kelenjar tiroid terlampau aktif
- penyakit yang berkaitan dengan jantung dan saluran darah
- tekanan tinggi dalam mata
- tekanan darah tinggi
- asma
- ulser perut
- halangan pada perut-usus
- penambahan saiz prostat yang ketara
- halangan pada leher pundi kencing.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk anticholinergic, tricyclic antidepressants atau monoamine oxidase (MAO) inhibitors yang mungkin menambahkan kesan ubat. Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa presripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Diphenmin*

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 – 2 camca teh 3 – 4 kali sehari. Kanak-kanak: $\frac{1}{2}$ - 1 camca teh 3 – 4 kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Terlebih dos antihistamina terutamanya bayi dan kanak-kanak boleh menyebabkan halusinasi (pendengaran, bau, rasa atau perasaan perkara yang tidak wujud), sawan, atau maut. Untuk dewasa, antihistamina mungkin mengurangkan kecerdasan mental dan menyebabkan keterujaan pada kanak-kanak.

Semasa menggunakan *Diphenmin*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Diphenmin*. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Diphenmin* kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan kecerdasan mental kerana mungkin akan menyebabkan anda mengantuk. Elakkan minuman alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Diphenmin* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Kesan sampingan paling biasa adalah sedasi, pening, keletihan, tekanan darah rendah dan kelemahan otot. Kesan-kesan lain adalah seperti gangguan gastro usus seperti loya, muntah, cirit-birit, sembelit, sakit kepala, kabur penglihatan, dengungan dalam telinga atau mulut kering.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Diphenmin*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap warna coklat gelap berperisa rasberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: diphenhydramine hydrochloride
- Bahan tidak aktif: ammonium chloride, sodium citrate, citric acid, sodium benzoate, menthol, alcohol, liquid glucose, sodium carboxymethylcellulose perisa, liquid caramel, glycerin, air dan sirap.

- Nombor MAL

MAL19962540AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1

Taman Perindustrian Bukit Tengah

14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/03/2017

Nombor siri

BPK(R4/1)140317/00032